

Penubuhan jawatankuasa bantu komuniti Orang Asli

SUNGAI BERUA - Penubuhan jawatankuasa Pembangunan Orang Asli Sungai Berua dibarisi pelbagai pihak berkaitan merupakan satu usaha proaktif bagi membantu komuniti. Orang Asli, di sini mengubah sikap corak kehidupan mereka ke arah lebih baik dalam segenap aspek.

Pegawai Daerah Hulu Terengganu, Azmi Razik berkata, jawatankuasa ditubuhkan kira-kira dua bulan lalu yang dipengerusikan beliau sendiri itu diharapkan dapat memastikan masyarakat Orang Asli Sungai Berua tidak lagi dilihat ketinggalan berbanding tempat lain.

Menurutnya, jika dibandingkan dengan komuniti Orang Asli di Kuala Lipis, Pahang, kehidupan masyarakat itu di sana lebih tersusun dari segi corak kehidupan dan lebih terjaga dari segi kebersihan persekitaran.

"Seruwa itu bermula daripada mereka sendiri yang ingin menjalani kehidupan lebih baik.

"Namun di sini, ia dilihat masih lagi ketinggalan dalam pelbagai aspek termasuk kepentingan menjaga



Azmi (duduk, tiga kanan) bersama tetamu kehormat dan individu terlibat menjayakan Program Jaringan Komuniti Tautan Kasih Bersama Orang Asli Sungai Berua di Balairaya Kampung Sungai Berua, bergambar kenangan.

kebersihan dan elemen kerohanian," katanya.

Oleh itu katanya, tertubuhnya Jawatankuasa Pembangunan Orang Asli Sungai Berua ini adalah bagi mengubah sikap komuniti di situ agar mereka juga mempunyai keinginan untuk mula berubah.

"Jawatankuasa sudah pun mengadakan mesyuarat bagi mem-

bincangkan hala tuju dan antara elemen diberikan penekanan ialah bagi membaiki taraf hidup sosio ekonomi, pendidikan dan kerohanian sekali gus mengubah corak kehidupan mereka," katanya.

Azmi berkata, pihak yang terlibat akan memberikan sumbangan sintonian semangat kepada masyarakat terlibat.

"Antara pihak terlibat termasuk Pejabat Daerah Terengganu, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) serta Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza).

"Para penyelidik juga dapat mengumpul maklumat bagi kajian berkaitan dijalankan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan perasmian Program Jaringan Komuniti Tautan Kasih Bersama Orang Asli Sungai Berua di Balairaya Kampung Sungai Berua, di sini, kelmarin.

Program yang bertujuan untuk mendekatkan diri dengan masyarakat pribumi itu merupakan anjuran bersama Institut Penyelidikan Kenyir (IPK) UMT, Pejabat Daerah Hulu Terengganu serta JKOA.

Tambahnya, perkampungan masyarakat Orang Asli Sungai Berua sebenarnya berpotensi sebagai daya tarikan pelancongan khususnya bagi daerah ini tetapi bagi menjadikan ia realiti, sikap komuniti dalam beberapa aspek seperti kebersihan perlu dipastikan berubah terlebih dahulu.

"Kebanjiran pelancong ke Tasik Kenyir pastinya akan turut dirasai limpahannya ke kampung itu memandang ia terletak berdekatan Tasik Kenyir dan kerana itulah usaha yang proaktif bagi mengubah sikap komuniti berkenaan harap dilakukan berterusan," katanya.

19/10/2017